

Dr. M undur Selepas

JM 26 JUN 2002

Oleh ZAINI HASSAN
dan OTHMAN MOHAMAD

KUALA LUMPUB 25 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO selepas Oktober 2003.

Beliau menamakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, 63, sebagai penggantinya.

Dr. Mahathir, 76, yang telah memegang jawatan Perdana Menteri keempat negara dan Presiden UMNO selama 21 tahun akan meletakkan semua jawatan selepas Sidang Kemuncak Persidangan Negara-Negara Islam pada 24 hingga 25 Oktober 2003.

Tarikh sebenar pengunduran beliau akan ditentukan kemudian.

Majlis Tertinggi UMNO pada sidang khasnya hari ini menerima hasrat Dr. Mahathir' itu dan menghormati keputusan tersebut.

- **Kenyataan penuh MT UMNO — Muka 2**
- **Dewan Tertinggi BN bertekad sokong Pak Lah — Muka 4**
- **Reaksi pelbagai pihak — Muka 5,9 dan 14**

Dalam tempoh masa sebelum persidangan OIC itu, Dr. Mahathir akan mengambil cuti selama dua bulan dan Abdullah akan dilantik sebagai Pemangku Presiden UMNO dan Pemangku Perdana Menteri.

Abdullah juga akan memangku jawatan Presiden UMNO dan Perdana Menteri pada bila-bila masa lain yang Dr. Mahathir mengambil cuti dalam tempoh masa tersebut.

Sepanjang percutian Dr. Mahathir itu, Abdullah akan turut memangku jawatan Menteri Kewangan.

Serentak dengan keputusan Dr. Mahathir itu, kesemua Naib Presiden UMNO, Ketua Pergerakan Pemuda dan Wanita hari ini menyatakan persetujuan sebulat suara dengan proses peralihan kuasa tersebut.

Turut mengambil pendirian yang sama ialah Menteri-menteri Besar, Pengerusi-pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri dan anggota-anggota Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN).

"Saya terharu dengan sokongan yang diberikan oleh MT dengan apa yang dihasratkan oleh Dr. Mahathir (supaya satu proses peralihan kuasa berjalan secara licin dan teratur).

"Ini bermakna sokongan adalah 100 peratus, andai dan kemungkinan Mailis Tertinggi berbalah tidak timbul. "Dr. Mahathir memang pe-

mimpin parti kita hari ini dan tentulah sekali keputusan itu akan menyebabkan ada kepastian iaitu beliau akan meletakkan jawatan dalam satu masa," kata Abdullah pada sidang akhbar selepas sidang khas MT itu di Ibu Pejabat UMNO, Menara Dato' Onn, PWTC, petang ini.

Sidang akhbar itu disiarkan secara langsung oleh televisyen tempatan dan mendapat liputan daripada hampir 200 wartawan akhbar, agensi berita dan media elektronik tempatan dan seluruh dunia.

Jika diambil kira soal cuti tersebut, bermakna Dr. Mahathir akan atau boleh mengambil cuti dua bulan itu dan cuti-cuti lain pada bila-bila masa dari tarikh sekarang sehingga Oktober tahun depan.

Dr. Mahathir kini sedang bercuti di Eropah selama 10 hari mulai Ahad lalu.

Bagaimanapun masih samar adakah beliau akan terus menyambung cutinya atau kembali bertugas semula yang dijangka pada 3 Julai ini.

Mengikuti program awal kerajaan, Dr. Mahathir akan mengadakan lawatan rasmi ke Thailand pada 5 hingga 7 Julai ini.

Menurut Abdullah, sehingga pada tempoh yang ditetapkan itu (Oktober 2003) dan hari ini, Dr. Mahathir masih Perdana Menteri dan Presiden UMNO serta Pengerusi BN.

"Saya hanya sekadar timbalannya yang akan terus bekerja seperti biasa," katanya.

Abdullah juga berkata selama beliau bertindak sebagai pemangku kelak, beliau tidak akan mengumumkan sebarang dasar-dasar baru.

"Saya diberi kerja, saya akan jalankan kerja tanpa timbul sebarang keraguan kepada beliau...apabila Perdana Menteri balik akan memaklumkan kepada beliau apa keputusan yang diambil supaya beliau tahu perkembangan yang berlaku di tanah air," katanya.

Ditanya apakah Abdullah sedang memangku jawatan Perdana Menteri dan Presiden UMNO sekarang (dalam tempoh cuti 10 hari Dr. Mahathir ini), Abdullah berkata: "beliau (Dr. Mahathir) tidak ada serahkan keperayaan tugas."

Ditanya apakah dengan pengumuman peralihan kuasa ini bermakna akan tiada proses pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun depan, beliau berkata, perkara itu akan diputuskan kemudian.

■ Lihat muka 4

OKTOKBER 2003

JM 26 JUN 2002

selepas Oktober 2003

Ditanya apakah dengan pengumuman peralihan kuasa ini bermakna akan tiada proses pemilihan pucuk pimpinan UMNO tahun depan, beliau berkata, perkara itu akan diputuskan kemudian.

Menjawab soalan adakah beliau akan mengetuai pilihan raya umum yang dikatakan akan berlangsung tahun depan, beliau berkata, itu hanyalah spekulasi dan MT tidak berbincang mengenainya.

Menurut Abdullah apa yang utama buat parti dan negara pada waktu ini adalah perpaduan.

"Soal perpaduan dalam parti saya y&in dengan semangat bersatu padu, bermuafakat demi perpaduan parti dan tentu sekali pengukuhan parti apa juga masalah-masalah dapat diatasi dengan baik," tegas beliau.

Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob ketika membacakan keputusan MT selepas mesyuarat khas itu di Ibu Pejabat UMNO petang ini, berkata:

"Majlis Tertinggi UMNO juga menyeru kepada ahli-ahli parti untuk menghormati hasrat yang telah disampaikan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Ahli-ahli pada waktu ini perlulah bersatu, bersama-sama mengukuhkan kedudukan parti bagi menghadapi cabaran meneruskan perjuangan untuk bangsa, agama dan negara.

Keputusan MT hari ini adalah sebagai menerima laporan hasil pertemuan antara Dr. Mahathir dengan Jawatankuasa Pengerusan UMNO yang telah diberi mandat untuk bertemu dengan Presiden parti itu oleh Mesyuarat Khas MT pada 22 Jun lalu.

Pertemuan itu diadakan pada pukul 9 pagi keesokan harinya di Sri Perdana, Putrajaya sebelum Dr. Mahathir berlepas ke luar negara.

Utusan Malaysia hari ini melaporkan Dr. Mahathir kekal sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO hasil formula 'tolak ansur' yang dipersetujui di Seri Perdana itu.

Bagaimanapun akhbar itu difahamkan persetujuan tersebut hanya untuk satu jangka masa tertentu yang dianggap sebagai tempoh peralihan.

Sabtu lalu, Dr. Mahathir mencemaskan negara apabila membuat pengumuman mengejut semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra dengan meletakkan jawatan Presiden parti, Pengerusi BN dan semua jawatan dalam parti.

Bagaimanapun, keputusan itu ditarik balik dalam tempoh satu jam yang penuh mendedarkan setelah dipujuk oleh seluruh anggota MT.

Kelmarin *Utusan Malaysia* memetik Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Megat Junid Megat Ayub sebagai berkata bahawa semasa pertemuan di Sri Perdana itu berlangsung, Dr. Mahathir tetap bertegas untuk melepaskan jawatannya.

Alasan yang diberikan oleh Perdana Menteri kerana beliau telah terlalu lama berkhidmat iaitu selama 21 tahun dan mahu menghabiskan masa bersama keluarga dan cucu.

Anggota jawatankuasa cuba memujuknya menarik balik keputusan itu dengan mengambil kira perasaan rakyat dan negara.

"Beliau namaknva memahami haranan ahli parti dan rakyat yang mahukannya t&us berkhidmat. Pada masa sama, Dr. Mahathir juga mahu rakyat dan ahli parti memahami perasaannya yang juga mahukan kebebasan sebagai rakyat biasa," katanya.

Akhirnya, kata Megat Junid berlaku tolak ansur antara jawatankuasa dengan Dr. Mahathir yang membawa kepada pengumuman oleh MT hari ini.